KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	24/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	-			

lokal

Tidak pernah serang manusia

Sifat lembut, pemalu orang utan buatkan penyelidik anggap rahmat jika temui mereka

Oleh Melvin Joni
am@hmetro.com.my

Kuching

Tiada laporan manusia dibunuh orang utan di Sarawak kerana haiwan itu dikenali bersifat lembut dan pemalu, sekali gus tidak akan mengejar mahupun menyerang manusia.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC) Zolkipli Mohamad Aton berkata, pihaknya mendapati orang utan bersifat pemalu dengan cenderung untuk duduk apabila berada di atas pokok.

Menurutnya, disebabkan sifat berkenaan, penyelidik hidupan liar menganggapnya sebagai rahmat jika bertemu dengan orang utan di hutan.

"Orang utan adalah haiwan yang lembut, mereka tidak akan menyerang anda, malah tidak mungkin cuba mengejar anda.

> **"Mereka tidak akan menyerang anda malah tidak mungkin cuba mengejar**
> Zolkipli

"Jika anda dapat melihat mereka di habitat semula jadi atau Pusat Hidupan Liar Semenggoh, anda akan perasan bahawa mereka suka menghabiskan banyak masa duduk diam dan tidak menunjukkan sebarang tanda agresif.

"Mereka tidak menyusahkan sesiapa, mereka tidak mahu ada kaitan dengan kita... mereka terlalu sibuk meneruskan kehidupan," katanya ketika dihubungi, semalam.



ORANG utan suka menghabiskan banyak masa duduk diam dan tidak menunjukkan sebarang tanda agresif.

Sementara itu, Zolkipli yang juga Kontroler Hidupan Liar Sarawak berkata, pihaknya menjangkakan tiga ekor anak orang utan dilahirkan pada tahun ini dalam populasi separa liar iaitu di Pusat Hidupan Liar Semenggoh (SWC).

"Ini menandakan kali pertama SWC akan mempunyai begitu banyak kelahiran dalam tempoh setahun.

"Mungkin kekurangan pelancong ke SWC adalah faedah tambahan kerana orang utan dapat meneruskan kehidupan mereka sendiri, sekali gus meningkatkan populasi yang terancam di negeri ini," katanya.